

29 NOV 1996

Koh-PenangNET

PENANGNET JADI PUSAT PERNIAGAAN DAN IT BAHAGIAN UTARA/IMT-GT

PULAU PINANG, 29 Nov (Bernama) -- Pulau Pinang, menerusi PenangNET, akan berkeupayaan berperanan sebagai pusat perniagaan, maklumat dan teknologi maklumat (IT) di bahagian utara dan Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini berkata PenangNET akan beroperasi mengikut fasa mulai Januari depan dan menjelang 1999, ia dihubungkan sepenuhnya dengan pentadbiran negeri, setiap cawangan kerajaan negeri, agensi kerajaan, pertubuhan perniagaan, kilang, sekolah dan rumah.

"Menerusi PenangNET atau kerajaan elektronik, kerajaan akan menjadi lebih berdaya saing, dapat menambat lebih perhatian bagi menjalankan perniagaan dan mempunyai masyarakat bermaklumat," katanya pada persidangan berita selepas pelancaran PenangNET oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi sidang video.

Dr Mahathir melancarkannya dari Pusat Sains Negara di Kuala Lumpur menerusi penghantaran suara dan video berkelajuan tinggi bagi membolehkannya berinteraksi dengan Dr Koh di Dewan Sri Pinang, di sini.

Dr Koh berkata selain memberi perkhidmatan kepada negeri ini, Kedah, Perak, Perlis dan IMT-GT, pelaksanaan PenangNET juga satu persediaan untuk menghubungkan negeri berkenaan bagi melengkapi dan menyokong Koridor Raya Multimedia (MSC).

"PenangNET akan menyokong dan memberi penambahan kepada MSC bagi mencapai sinergi dengan MSC, bukannya untuk bersaing dengannya," katanya dan menambah adalah sangat bermakna bagi negeri ini berkomunikasi dengan MSC menerusi PenangNET.

Beliau berkata pelaksanaannya juga diperlukan bagi pembangunan masa depan.

Bagi menjadikan PenangNET berjaya, kerajaan negeri akan memainkan peranan besar dalam meningkatkan kesedaran, keupayaan dan keyakinan diri kakitangan dan rakyat.

Dr Koh berkata kerajaan negeri memperuntukkan RM2.1 juta juga bagi peralatan berkaitan untuk beberapa jabatan kerajaan dan RM200,000 bagi melatih kakitangannya dalam bidang IT tahun depan.

Sebuah konsortium diketuai THB Asia Connect Sdn Bhd, Penang Development Corporation (PDC), Public Packages Sdn Bhd, pembekal telefon seperti STW dan Binariang Sdn Bhd akan menubuhkan suarikat usahasama, Penang Network Services Sdn Bhd, bagi menerajui pelaksanaan PenangNET.

Asia Connect dan Public Packages akan memiliki 51 peratus saham dalam syarikat itu, Binariang (5 peratus) dan kerajaan negeri sebanyak 44 peratus menerusi PDC.

Dr Koh, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Jamaluddin Ahmad Damanhuri dan pengarah Tongkah Holding, Mokhzani Mahathir, menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman usahasama itu selepas pelancaran itu.

PDC diwakili pengerusinya Datuk Noor Mokhtar Hanif, Binariang oleh pengarah eksekutif jualan dan pemasaran C.Y. Chin, Asia Connect oleh ketua pegawai eksekutifnya Raymond Cheng manakala Public Packages oleh pengerusi eksekutifnya C.P. Koay. -- BERNAMA

SA NAK